



## **LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH**

---

### **POLISI PENGAMBILAN TENAGA KERJA ASING**

Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) adalah bertanggungjawab untuk memajukan dan membantu dalam penyiasatan, perumusan dan pelaksanaan projek-projek bagi kemajuan dan penempatan tanah dalam Negeri Sabah. LKTNS dan kumpulan syarikatnya adalah komited untuk menghasilkan produk kelapa sawit dengan mengambil kira kepentingan ekonomi, alam sekitar dan sosial.

Untuk menangani masalah kekurangan pekerja tempatan yang berminat bekerja di sektor perladangan, Pihak Pengurusan memutuskan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan tenaga kerja asing dari negara sumber yang diluluskan, tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan akta-akta berkaitan yang berkuatkuasa.

Pihak pengurusan bertanggungjawab dan komited untuk memastikan tenaga kerja asing mendapat kadar upah yang setimpal berdasarkan Perintah Gaji Minima yang diwartakan oleh Kerajaan Malaysia. Selain itu, Pihak Pengurusan juga mengamalkan polisi tidak ada diskriminasi dan tidak ada kontrak gantian terhadap mana-mana tenaga kerja asing.

Tenaga kerja asing yang baharu akan diberikan program orientasi untuk mendedahkan mereka mengenai bahasa tempatan, keselamatan pekerjaan, undang-undang buruh dan sensitiviti budaya setempat. Selain itu, semua tenaga kerja asing dilindungi di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing dan disediakan tempat tinggal yang selayaknya.

Mengemaskini polisi ini secara berkala untuk memastikan ianya kekal berkaitan dan berkenaan.

**SYAHEDDRUL R JODDARI**  
**GENERAL MANAGER SLDB**

01 Review: April 2019

---